



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
BILANGAN 3

A. SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (SKM)

I. KOPERASI BERDAFTAR YANG MENJALANKAN AKTIVITI KREDIT

1. Adakah aktiviti kredit yang dijalankan oleh Koperasi diiktiraf dan dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKPB?

MEDAC melalui Suruhanjaya Koperasi telah mengkategorikan aktiviti kredit sebagai sebahagian daripada aktiviti dalam sektor perkhidmatan kewangan koperasi dan termasuk sebagai *essential services*. Aktiviti ini dibenarkan beroperasi kecuali di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Semua premis yang beroperasi mulai 4 Mei 2020 perlu beroperasi berdasarkan SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

2. Adakah keperluan bagi Koperasi Kredit membuka semula premis?

Ya. Suruhanjaya Koperasi menerima permintaan yang tinggi daripada koperasi yang menjalankan aktiviti-aktiviti kredit untuk beroperasi bagi membantu anggota termasuk golongan usahawan dan peniaga mikro mendapatkan kemudahan pembiayaan sepanjang tempoh PKPB.

3. Saya ada urusan berkenaan mengenai pembiayaan di premis koperasi kredit. Bilakah tempoh beroperasi premis tersebut.

Tempoh masa operasi premis koperasi kredit yang dibenarkan adalah daripada jam 8.30 pagi sehingga 5.00 petang setiap hari, tertakluk hari operasi perniagaan koperasi. Walau bagaimanapun, premis Koperasi Kredit yang berada dalam zon PKPD tidak dibenarkan beroperasi.

4. Apakah urusan yang boleh dibenarkan dan tidak dibenarkan berurusan dengan koperasi kredit?

Hanya perkhidmatan kaunter dan temu janji pelanggan sahaja dibenarkan berurusan dengan koperasi.

5. Bolehkah koperasi ambil tindakan membuat pelelongan harta atau melakukan promosi semasa PKPB?

Semua aktiviti yang berkaitan dengan pelelongan dan promosi fizikal bagi mendapatkan jualan (*sales and marketing activities*) di luar premis koperasi **tidak dibenarkan** dalam tempoh PKPB.

6. Bagaimana saya boleh berurusan dengan koperasi kredit mengenai pembiayaan saya?

Urusan pembiayaan hendaklah dibuat melalui temu janji dengan koperasi terlebih dahulu dengan mengisikan borang permohonan secara atas talian. Dokumen permohonan yang telah lengkap diisi boleh dihantar kepada koperasi melalui pos, emel dan serahan tangan ke peti pos koperasi. Bagi urusan pengeluaran pembiayaan, pihak koperasi akan melaksanakan melalui perbankan internet (*Electronic Fund Transfer*).

7. Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh Koperasi sebelum memulakan operasi?

Koperasi dikehendaki membuat penyediaan premis sebagai langkah pencegahan Covid-19 iaitu:

- i. Mengambil suhu badan dan menyaring gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas mana-mana orang setiap hari dan direkod. Pekerja/majikan dengan suhu badan 37.5° celsius ke atas dilarang berada di pejabat;
- ii. Memantau pekerja yang mempunyai gejala demam, batuk, selsema, sakit tekak serta kesukaran bernafas dalam tempoh 14 hari dan memastikan pekerja mendapatkan rawatan segera sekiranya bergejala;
- iii. Menyediakan kemudahan yang mencukupi bagi pekerja dan pelanggan untuk mengamalkan kebersihan diri yang baik seperti basuh tangan dengan sabun atau *hand sanitizer* dan menyediakan topeng muka tiga lapis (*3-ply mask*) di premis dan mencukupi untuk dipakai oleh kakitangan;
- iv. Menasihatkan pekerja untuk mengamalkan langkah pencegahan dengan memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*) jika bergejala, cuci tangan

- atau menggunakan *hand sanitizer* dengan kerap dan amalkan etika batuk, dan bersin yang betul semasa di tempat kerja;
- v. Melakukan nyah kuman /disinfeksi permukaan yang mudah dicemari kuman seperti ruang kerja, kaunter perkhidmatan, tombol pintu dan papan kekunci komputer;
 - vi. Melaksanakan aktiviti pembersihan dengan lebih kerap pada tempat yang selalu disentuh oleh orang ramai seperti butang lif, tombol atau pemegang pintu, suis lampu dan sebagainya; dan
 - vii. Sekiranya premis dikesan mempunyai kes positif Covid-19, penutupan sementara premis perlu dilakukan bagi tujuan pembersihan dan nyah kuman/disinfeksi kawasan yang berkaitan dengan kes Covid-19 tersebut. Agensi akan memaklumkan dan merujuk secara terus kepada Pejabat Kesihatan Negeri yang berhampiran bagi melaksanakan proses pembersihan dan nyah kuman/disinfeksi.

8. Apakah panduan keselamatan pelanggan semasa mengunjungi premis Koperasi?

- i. Bilangan pelanggan yang dibenarkan ke dalam premis akan dihadkan pada satu-satu masa. Pelanggan digalakkan untuk membuat temu janji terlebih dahulu dengan Pegawai sebelum hadir ke premis;
- ii. Melaksanakan imbasan suhu kepada semua kakitangan dan pelawat di pintu masuk premis dan merekodkan butiran seperti nama, nombor telefon, tarikh dan masa lawatan untuk tujuan pengesanan oleh pihak berkuasa sekiranya perlu sebelum memasuki premis;
- iii. Mereka yang mempunyai suhu badan 37.5° celsius ke atas ataupun menunjukkan gejala virus Covid-19 dilarang masuk ke dalam premis;
- iv. Penjarakan sosial 1 meter perlu dipatuhi oleh semua pelanggan pada setiap masa;
- v. Pelanggan perlu mengekalkan kebersihan dengan menggunakan *hand sanitizer* yang disediakan ketika berurusan;
- vi. Pelanggan dinasihatkan untuk memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*) pada setiap masa ketika di dalam premis cawangan; dan
- vii. Pelanggan digalakkan membawa dan menggunakan pen dan alat tulis sendiri untuk mengelakkan jangkitan.

9. Apakah Arahan Tetap yang perlu dipatuhi oleh koperasi?

Sepanjang tempoh PKPB, koperasi perlu mematuhi arahan berikut:

- i. Garis Panduan Pembiayaan Kredit yang dikeluarkan oleh SKM;
- ii. Prosedur standard operasi KKM;
- iii. SOP BOMBA;
- iv. SOP POLIS; dan
- v. Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dari semasa ke semasa.

10. Sekiranya saya menghadapi masalah mengenai SOP ini dan memerlukan bantuan, siapa yang boleh saya rujuk?

Sekiranya memerlukan maklumat lanjut berkenaan SOP ini, boleh menghubungi:

- En Mohamad Kamarulzaman bin Mohamad Annuar Muas'adad, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus, Suruhanjaya Koperasi Malaysia di talian 013-771 2308 atau melalui e-mel: kamarulzaman@skm.gov.my

II. KOPERASI BERDAFTAR YANG MENJALANKAN AKTIVITI AR-RAHNU

11. Adakah aktiviti Ar-Rahnu yang dijalankan oleh Koperasi diiktiraf dan dibenarkan beroperasi sepanjang tempoh PKPB?

MEDAC melalui Suruhanjaya Koperasi telah mengkategorikan aktiviti kredit sebagai sebahagian daripada aktiviti dalam sektor perkhidmatan kewangan koperasi dan termasuk sebagai *essential services*. Aktiviti ini dibenarkan beroperasi kecuali di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Semua premis yang beroperasi mulai 4 Mei 2020 perlu beroperasi berdasarkan SOP yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

12. Adakah keperluan bagi koperasi membuka semula premis Ar-Rahnu?

Suruhanjaya Koperasi menerima permintaan yang tinggi daripada koperasi yang menjalankan aktiviti Ar-Rahnu dan orang awam supaya koperasi dibenarkan beroperasi bagi membantu anggota dan penggadaai termasuk golongan usahawan dan peniaga mikro mendapatkan kemudahan pembiayaan sepanjang tempoh PKP.

13. Berapa ramai pekerja yang dibenarkan untuk bekerja?

Premis Ar-Rahnu dibenarkan beroperasi sehingga kapasiti tenaga mengikut kebiasaan. Sungguhpun begitu, premis harus berkeupayaan untuk mengamalkan penjarakan sosial dan mengaplikasikan tatacara keselamatan kesihatan pekerja. Premis wajib mematuhi semua SOP Ar-Rahnu dan Koperasi Kresit yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

14. Saya ada urusan mengenai transaksi Ar-Rahnu di premis koperasi. Bilakah tempoh beroperasi premis tersebut?

Tempoh masa operasi premis Ar-Rahnu koperasi yang dibenarkan adalah daripada jam 9.00 pagi sehingga 2.00 petang setiap hari, tertakluk hari operasi perniagaan koperasi. Walau bagaimanapun, premis Ar-Rahnu koperasi yang berada dalam zon PKPD tidak dibenarkan beroperasi.

15. Apakah urusan yang boleh dibenarkan dan tidak dibenarkan berurusan?

Hanya urusan penggadaian, penebusan gadaian dan pembayaran upah melalui temujanji pelanggan sahaja yang dibenarkan berurusan dengan koperasi. **Aktiviti pelelongan tidak dibenarkan.**

16. Bolehkah koperasi ambil tindakan membuat pelelongan emas atau melakukan promosi semasa PKPB?

Semua aktiviti yang berkaitan dengan pelelongan dan promosi fizikal bagi mendapatkan jualan (*sales and marketing activities*) di luar premis koperasi **tidak dibenarkan** dalam tempoh PKPB.

17. Sekiranya saya ingin berurusan dengan koperasi, apakah yang perlu saya lakukan?

Sebarang urusan hendaklah dibuat melalui temu janji dengan koperasi terlebih dahulu. Pelanggan diminta untuk menghubungi koperasi bagi membuat temujanji.

18. Sekiranya saya menghadapi masalah mengenai SOP ini dan memerlukan bantuan, siapa yang boleh saya rujuk?

Sekiranya memerlukan maklumat lanjut berkenaan SOP ini, boleh menghubungi:

- En Mohamad Kamarulzaman bin Mohamad Annuar Muas'adad, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus, Suruhanjaya Koperasi Malaysia di talian 013-771 2308 atau melalui e-mel: kamarulzaman@skm.gov.my

B. UDA HOLDINGS BERHAD

I. *PROPERTY DEVELOPMENT*

19. Adakah terdapat sebarang penambahan kepada proses tender semasa dan selepas PKP?

Ya, keperluan saringan kesihatan terhadap pekerja dan kakitangan kontraktor perlu dinyatakan dengan jelas di dalam dokumen tender berdasarkan SOP CIDB dan KKM.

20. Apakah garis panduan tapak pembinaan?

Garis panduan di tapak pembinaan dan pejabat tapak serta bagi operasi di tapak bina (*site*) boleh dirujuk dengan SOP Sektor Pembinaan yang dikeluarkan oleh MKN dan FAQ Sektor Pembinaan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

21. Bolehkah rumah kongsi dibina di tapak pembinaan?

Rumah kongsi di tapak dibenarkan dengan syarat ianya perlu disanitasi sebulan sekali dengan syarat pekerja tidak keluar dari kawasan tapak bina dan jumlah penghuni harus berkeupayaan untuk mengamalkan penjarakan sosial. Garis panduan pengurusan tempat kediaman di tapak bina/premis boleh dirujuk dengan SOP Sektor Pembinaan yang dikeluarkan oleh MKN dan FAQ Sektor Pembinaan oleh KKR dan CIDB.

22. Apakah garis panduan kawalan pejabat tapak dan tapak bangunan yang telah siap dibina?

Garis panduan kawalan tapak bangunan dan pejabat tapak:

- i. Penetapan laluan/pintu masuk (jika ada laluan yang perlu ditutup);
- ii. Penyelenggaraan bangunan siap;
- iii. Pembersihan bangunan dan nyah cemar bangunan siap;
- iv. Kebenaran masuk untuk pihak berkuasa bangunan dan pelawat sebelum CCC; dan
- v. Kebenaran/kawalan pembeli memasuki bangunan sebelum VP.

II. SALES & MARKETING

23. Adakah Galeri Jualan UDA masih beroperasi semasa tempoh PKP?

Galeri Jualan dibuka dengan mengamalkan penjarakan sosial dan mengaplikasikan tatacara keselamatan kesihatan pekerja berlandaskan garis panduan yang dikeluarkan oleh MKN dan dasar umum BCM UDA.

Sistem penggiliran untuk pelanggan dilaksanakan bagi memastikan galeri jualan tidak sesak dan memastikan jarak sentiasa dijaga. Galeri Jualan dibenarkan hanya 2 orang pelanggan pada setiap masa.

24. Apakah alternatif urusan jual beli produk UDA?

Aktiviti jualan dilakukan melalui 'live chat' bersama 'frontline' di UDA mayaportal.com sementara penyebaran maklumat menggunakan laman sesawang dan media sosial menerusi <http://www.uda.com.my/>

III. MALL DIVISION

25. Apakah jenis perniagaan/premis yang dibuka di UDA Mall?

Semua jenis perniagaan/premis adalah dibenarkan kecuali:

- Panggung wayang
- Pusat karaoke
- Pusat Refleksologi
- SPA
- Kedai/salon gunting rambut
- Salun kecantikan.

26. Adakah fasiliti surau di dalam kompleks dibuka?

Surau perlu ditutup bagi mengelakkan orang ramai berkumpul dalam ruang tertutup.

IV. HOSPITALITY DIVISION

27. Adakah hotel dibenarkan beroperasi?

Boleh, hanya untuk tetamu/pelanggan berikut sahaja:

- i. Tetamu dari perkhidmatan penting seperti sektor *oil & gas*;
- ii. Tetamu dari sektor penerbangan yang mempunyai kontrak bertempoh dengan hotel; dan
- iii. Tetamu dari sektor yang dibenarkan kerajaan seperti *frontliners*, profesional, dan lain-lain.

(senarai aktiviti yang dilarang untuk sektor Pelancongan dan Perhotelan adalah penggunaan fasiliti hotel seperti surau, gimnasium, spa, sauna, lounge, kolam renang, bilik mesyuarat, dewan seminar, bilik latihan, restoran dan café (bagi tujuan *buffet*)

28. Adakah bilik mesyuarat / dewan seminar/ *ballroom* boleh ditempah?

Tidak, bilik mesyuarat, dewan seminar dan bilik latihan tidak dibenarkan beroperasi sehingga dimaklumkan kelak.

29. Adakah perkhidmatan buffet di Restoren dan Café hotel disediakan untuk tetamu?

Tidak, *buffet* tidak dibenarkan. Tetamu hanya boleh membuat tempahan makanan melalui *room service* sahaja.

30. Adakah fasilitasi golf dibenarkan beroperasi?

Ya, namun tertakluk kepada SOP yang dikeluarkan oleh MKN. Pengurusan Hotel perlu mengambil langkah-langkah seperti:

- i. Pemeriksaan suhu badan untuk setiap pemain golf sebelum memasuki kelab golf oleh staff yang bertugas dengan menggunakan *head thermometer* (pastikan suhu badan < 37.5°C) di pintu masuk utama dan membantu sanitasi tangan para pemain golf. Pemain golf yang memiliki suhu badan 37.5° celsius ke atas ataupun menunjukkan gejala selesema atau batuk akan diminta untuk tidak bermain dan mendapatkan rawatan segera;
- ii. Tempahan dan kad skor secara atas talian / medium bukan fizikal;
- iii. Penjarakan sosial 2 meter di *tee box*, *fairway* dan *green*, di sepanjang pusingan permainan;
- iv. Tidak ada operasi atau aktiviti lain seperti makan dan minum di restoran, penggunaan bilik mengganti pakaian dan kolam renang;

- v. *Buggy* perlu disanitasi sebelum dan selepas setiap penggunaan; dan
- vi. Tidak menyediakan golf set sewaan.

V. PENGURUSAN FASILITI

31. Apakah perkhidmatan pengurusan fasiliti yang ditawarkan sepanjang tempoh PKPB?

Secara umum Pengurusan Fasiliti akan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh Pemilik Bangunan atau Penyewa Utama, berdasarkan SOP UDA Dayaurus dan Garis Panduan Am Kementerian Kerja Raya / Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Perkhidmatan yang di tawarkan adalah seperti berikut:

- Sistem Elektrikal, Mekanikal;
- Sivil & Struktur;
- Lanskap;
- Pencucian & Pembersihan;
- Kawalan Serangga; dan
- Kawalan Keselamatan.

32. Apakah waktu beroperasi bagi semua perkhidmatan tersebut?

Waktu beroperasi adalah tertakluk keperluan Pemilik Bangunan atau Penyewa Utama. Namun begitu perkhidmatan pengurusan fasilitasi yang berada dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) adalah **TIDAK DIBENARKAN** beroperasi.

33. Apakah langkah-langkah pencegahan yang perlu diambil oleh majikan sebelum membenarkan pekerja melakukan kerja-kerja pengurusan fasilitasi?

- i. Mengambil suhu badan dan menyaring gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas mana-mana orang setiap hari dan direkod. Pekerja dengan suhu badan 37.5° celsius ke atas dilarang memasuki premis;
- ii. Memantau pekerja yang mempunyai gejala demam, batuk, selsema, sakit tekak serta kesukaran bernafas dalam tempoh 14 hari dan memastikan pekerja mendapatkan rawatan segera sekiranya bergejala;
- iii. Menyediakan topeng penutup hidung dan mulut tiga lapis (*3-ply face mask*) mencukupi untuk dipakai oleh pekerja dan *hand sanitizer* atau kemudahan

membasuh tangan supaya pekerja sentiasa mengamalkan kebersihan diri yang baik; dan

- iv. Menasihatkan pekerja untuk mengamalkan langkah pencegahan dengan memakai penutup mulut dan hidung (*face mask*) jika bergejala, cuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer* dengan kerap dan amalkan etika batuk, dan bersin yang betul semasa di tempat kerja.

34. Apakah garis panduan untuk pekerja kontraktor yang dilantik oleh syarikat?

- i. Suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis. Sekiranya bacaan suhu badan melebihi 37.5°Celcius atau mempunyai gejala, pekerja tidak dibenarkan memasuki premis;
- ii. Mengurangkan bilangan pekerja dari kebiasaan agar syarikat berkeupayaan untuk mengamalkan penjarakan sosial dan mengaplikasikan tatacara keselamatan kesihatan pekerja;
- iii. Penyediaan dan penggunaan *face mask*, *hand sanitizer* dan *hand soap* di premis;
- iv. Melakukan nyah kuman /disfeksi peralatan yang digunakan dengan kerap; dan
- v. Penekanan ke atas penjarakan sosial di setiap kawasan bertugas (bilik M&E, bilik kawalan dan sebagainya).

Catatan:

- 1) Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik Covid-19 ini.
- 2) Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI
13 MEI 2020**